

Adakah anda mempunyai Saham Diskaun Khas Singtel yang dibeli dengan simpanan CPF?

1993: SingTel melancarkan IPO, sebuah negara pelabur



Sumber: The Straits Times © SPH Media Limited. Kebenaran diperlukan untuk penerbitan semula.

Adakah anda ingat membeli Saham Diskaun Khas Singtel (SDS) - ST"A" pada tahun 1993 atau ST2 pada tahun 1996 dengan menggunakan simpanan CPF anda? Lembaga CPF telah dilantik pada masa itu untuk memudahkan pembelian saham bagi rakyat Singapura, oleh kerana ramai yang baru berjinak-jinak dengan pemilikan saham.

Oleh kerana rakyat Singapura kini lebih arif tentang pemilikan saham, skim SDS telah mencapai matlamatnya dan proses yang biasanya dilaksanakan melalui Lembaga CPF tidak lagi diperlukan.

Kumpulan Singtel telah melancarkan satu inisiatif untuk memindahkan SDS daripada Lembaga CPF kepada akaun Depositori Pusat (CDP) anda supaya anda boleh memegang dan mengurus saham anda serta melaksanakan hak anda sebagai pemegang saham secara langsung.

Pemindahan SDS Singtel dirancang pada 21 November 2026.

Semak pemilikan SDS anda dan ketahui lebih lanjut di laman web rasmi sds.singtel.com atau hubungi 1713.

APAKAH YANG BOLEH ANDA LAKUKAN



Simpan SDS Singtel anda

Anda tidak perlu melakukan apa-apa. Saham anda akan dipindahkan secara automatik ke akaun CDP individu anda jika anda sudah memiliki akaun ini, atau ke akaun CDP baharu yang akan dibuka untuk anda.

Dalam kedua-dua kes, saham tersebut adalah di bawah nama anda dan anda boleh menjualnya pada bila-bila masa.

atau



Jual SDS Singtel anda

Anda boleh menjual saham anda¹ melalui laman web Phillip Securities, cawangan SingPost atau broker SGX terpilih². Anda boleh menyimpan hasil jualan dalam Akaun Biasa CPF anda atau menerimanya secara tunai dalam akaun bank anda yang telah didaftar dengan Lembaga CPF. Syarat-syarat pengeluaran CPF akan dikecualikan untuk hasil jualan.

▶ DALAM TALIAN

Jual melalui laman web Phillip Securities.



Imbas kod QR untuk mengakses laman web Phillip Securities.

sds.singtel.com

▶ SECARA PERIBADI

Jual secara peribadi di cawangan SingPost. Lawati **sds.singtel.com** untuk senarai penuh cawangan SingPost.



¹ Menjual sebahagian saham SDS Singtel tidak dibenarkan.

² Phillip Securities adalah firma broker yang memudahkan penjualan dalam talian SDS Singtel. Anda juga boleh menjual melalui broker SGX yang terpilih. Sila rujuk sds.singtel.com untuk senarai penuh broker dan hubungi mereka secara langsung.



Lindungi diri anda daripada penipuan

Singtel dan Lembaga CPF tidak akan meminta butiran perbankan atau bayaran untuk penjualan atau pemindahan SDS Singtel. Jika tidak pasti, sila hubungi **talian bantuan anti-penipuan ScamShield 24/7 di 1799**.

Penafian

Iklan ini adalah untuk edaran am dan hanya menyediakan maklumat yang bersifat umum. Ia tidak membentuk sebarang tawaran, cadangan atau pelawaan untuk berurus niaga dalam SDS Singtel atau saham Singtel. Ia juga bukan merupakan nasihat pelaburan dalam apa jua bentuk dan tidak ada kaitan dengan objektif pelaburan, keadaan kewangan atau keperluan individu khusus sesiapa yang mungkin menerimanya. Anda harus mendapatkan nasihat daripada penasihat kewangan profesional berkenaan pelaburan, penjualan atau perdagangan sekuriti, termasuk SDS Singtel atau saham Singtel.